


PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS) – ISLAMIC WILL HELAIAN KETERANGAN PRODUK – WASIAT ISLAM

<p>Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to subscribe our Will Writing services. Please be sure you read the general terms and conditions.</p> <p><i>Sila baca helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Perkhidmatan Penulisan Wasiat. Sila pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.</i></p>	<p>MyANGKASA AMANAH BERHAD ماي انكاسا امانه برحد</p>  <p>Issued by: MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB)</p> <p>Date updated: 20 July 2020</p>
--	---

1. What is this Service about?

Perkhidmatan ini berkaitan apa?

MyAngkasa Amanah Berhad is offering an Islamic Will Writing service via Bank's branches throughout Malaysia. Customer will be provided a Copy of Will's Certificate and Will's Card once they signed up with us.

MyAngkasa Amanah Berhad menawarkan Penulisan Wasiat Islam menerusi cawangan Bank di seluruh Malaysia. Pelanggan akan dibekalkan satu Salinan Sijil Wasiat berserta Kad Wasiat sejurus mereka mendaftar.

2. Who is offering this Service?

Siapakah yang menawarkan perkhidmatan ini?

This Service is provided by MyAngkasa Amanah Berhad (1078340-H).

Perkhidmatan ini ditawarkan oleh MyAngkasa Amanah Berhad (1078340-H).

3. What are the features of this Service?

Apakah ciri-ciri Perkhidmatan ini?

A **Will** is an '**Iqrar**' or **declaration** made by a Muslim during his lifetime with respect to the distribution of his assets or benefit thereof for the purpose of charity or any other purpose permissible under Islamic Law which shall be effected only after his death.

Wasiat adalah ikrar yang dibuat oleh seorang Muslim semasa hayatnya untuk hartanya atau manfaat bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan undang-undang Islam selepas berlaku kematian.

You may distribute up to 1/3 of your assets to non-Faraid heir(s)/beneficiary(ies) (after deducting all debts and liabilities). For example, you may distribute up to 1/3 of your assets to your adopted children, step children or charitable organizations.

Anda boleh mewasiatkan tidak lebih daripada 1/3 daripada harta anda kepada selain waris Faraid (selepas hutang diselesaikan). Sebagai contoh, anda boleh mewasiatkan tidak lebih daripada 1/3 daripada harta anda kepada anak angkat, anak tiri ataupun organisasi amal.

The remaining 2/3 of your assets will be distributed to your Faraid heir(s), in accordance to Faraid proportions.

Baki 2/3 daripada harta anda akan diagihkan kepada waris Faraid, mengikut perkadaran Faraid.

You may also distribute more than 1/3 of your assets either to your Faraid heir(s) or non-Faraid heir(s) provided all your Faraid heir(s) consent to such a distribution.

Anda juga boleh mewasiatkan lebih daripada 1/3 daripada harta kepada waris atau bukan waris Faraid dengan persetujuan semua waris Faraid.

**4. Who can write a Will?
Siapakah yang boleh membuat Wasiat?**

Any Muslim who is:

Seorang Muslim yang:

- Of sound mind / *Sempurna akal fikiran*
- 18 years and above in Peninsular Malaysia and Sarawak and 21 years and above in Sabah / *Berumur 18 tahun dan ke atas di Semenanjung Malaysia dan Sarawak manakala 21 tahun dan ke atas di Sabah*
- Malaysian citizen / *Rakyat Malaysia*
- Able to understand the nature and purpose of making a Will / *Faham tujuan dan sebab menulis wasiat*

**5. What are the Fee and Charges that I have to pay for the Service?
Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar untuk Perkhidmatan ini?**

RM500 one-time payment.

RM500 sekali seumur hidup.

**6. How much the Estate Administration Fee to execute the Will?
Berapa Fi Pentadbiran Harta Pusaka untuk melaksanakan Wasiat?**

Estate Administration Fee is 2% out of overall administered asset (excluded third party cost).

Fi Pentadbiran Harta Pusaka ialah 2% daripada jumlah aset yang ditadbir (tidak termasuk kos pihak ketiga).

**7. What are my duties?
Apakah tanggungjawab saya?**

7.1 You must read, understand and strictly follow all necessary instructions and pay the Fee and Charges.

Anda mesti baca, faham dan mematuhi segala arahan serta membayar Fi dan Caj.

7.2 You must ensure all information provided and entered are correct, clear and comprehensive.

Anda perlu memastikan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar, jelas dan menyeluruh.

**8. What happens if I fail to fulfil my duties?
Apa akan berlaku jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?**

We may not be able to process your subscription because your Will may be rendered invalid under the law.

Pihak kami tidak dapat memproses langganan Wasiat anda kerana ia mungkin dianggap tidak sah di sisi undang-undang.

**9. What are the risks inherent in writing a Will?
Apakah risiko dalam penulisan Wasiat?**

9.1 A Muslim can only bequeath up to 1/3 of his estate to non-Faraid heir(s) (after deducting all debts and liabilities).

Seorang Muslim hanya boleh mewasiatkan 1/3 daripada hartanya kepada bukan waris Faraid (selepas selesaikan hutang).

9.2 Consent from all your Faraid heir(s) after deceased is required if you distribute more than 1/3 of your assets to non-Faraid heir(s). If there is a contest, the distribution will abide by the Faraid distribution.

Persetujuan daripada waris Faraid anda selepas berlaku kematian diperlukan jika anda ingin mewasiatkan lebih daripada 1/3 daripada harta kepada bukan waris Faraid. Jika ada bantahan, pengagihan akan mengikut perkadaran Faraid.

9.3 If your named beneficiary in the Will is below the age of 18 years old at the time of your deceased, his/her share will be held on trust by the appointed guardian for administration until he/she reaches 18 years of age.

Jika penerima harta di dalam Wasiat anda berumur bawah 18 tahun pada masa kematian anda, bahagian mereka akan diamanahkan kepada penjaga sehingga mereka berumur 18 tahun.

**10. Who can be my Executor?
Siapakah yang boleh menjadi Pentadbir saya?**

A Muslim who is 18 years old and above, of sound mind, consents to such appointment and is able to administer your estate.

Seorang Muslim yang berumur 18 tahun dan ke atas, waras, bersetuju dengan perlantikan tersebut dan mampu untuk menguruskan pentadbiran harta pusaka anda.

**11. Who can be my witness?
Siapakah yang boleh menjadi saksi saya?**

2 Male Muslim, or 1 Male Muslim and 2 Female Muslim, or 4 Female Muslim who is 18 years old and above and is not named as a beneficiary/heir in your Will.

2 Lelaki Muslim, atau 1 Lelaki Muslim dan 2 Perempuan Muslim, atau 4 Perempuan Muslim yang berumur 18 tahun dan ke atas dan bukan dinamakan sebagai waris di dalam Wasiat anda.

**12. What if I have minor heir(s)/beneficiaries?
Bagaimana jika saya mempunyai waris yang belum cukup umur?**

Should you have any minor heir(s)/beneficiaries who are below 18 years of age and you wish to appoint a guardian, please contact MyAngkasa Amanah Berhad at 03 – 7887 5600 or email to admin@myangkasaamanah.com.my to get an Amendment Form to amend your Will. You also can make amendment through waes.com.my. Should you need an assistance, please contact us.

Jika anda mempunyai waris yang berumur di bawah 18 tahun dan anda berhasrat untuk melantik Penjaga, sila hubungi MyAngkasa Amanah Berhad di 03 – 7887 5600 atau email ke admin@myangkasaamanah.com.my untuk dapatkan Borang Pindaan Wasiat untuk meminda Wasiat anda. Anda juga boleh mengemaskini maklumat anda menerusi waes.com.my. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi kami.

13. How does the Will provide for distribution of assets?

Bagaimana peranan Wasiat dalam pengagihan aset?

The Will allows you to distribute your assets in percentage [%] proportion by rewriting your Will at any time should you think necessary by completing Amendment Form.

Wasiat membolehkan anda untuk membuat pengagihan secara peratus [%] dengan menulis semula Wasiat anda pada bila-bila masa dengan melengkapkan Borang Pindaan.

14. What is meant by “Wasiat Terakhir”?

Apakah yang dimaksudkan dengan “Wasiat Terakhir”?

“Wasiat Terakhir” is a final and latest Will executed by someone (Testator) during his/her lifetime and will be presented by Executor/Administrator to the court to obtain Grant of Probate. The earlier Will (if any) written by testator will be null and void.

Wasiat Terakhir adalah wasiat yang terkini ditulis oleh si mati. Wasiat ini akan digunakan dalam urusan untuk mendapatkan Geran Probet daripada mahkamah dan seterusnya proses pencairan harta si mati.

15. How to cancel my Will?

Bagaimana saya boleh membatalkan Wasiat saya?

A Will can be revoked by the following acts/circumstances:

Wasiat boleh terbatal dalam keadaan tertentu:

a) **Letter of instruction to MAAB to revoke the Will / Surat ke MAAB meminta pembatalan Wasiat**

MAAB will cancel the will registration and returned the original Will document to the customer.

MAAB akan membatalkan pendaftaran wasiat tersebut dan memulangkan dokumen Wasiat Asal kepada pelanggan.

b) **Destruction / Pemusnahan**

A Will is revoked when the Testator destroys the original Will physically with the intention of revoking it. Accidental or malicious destruction by a third party does not constitute revocation.

Wasiat terbatal apabila pewasiat memusnahkan Wasiat fizikal Asal dengan niat untuk membatalkan wasiat tersebut. Kemusnahan tanpa niat atau berniat jahat oleh pihak ketiga tidak membatalkan Wasiat.

c) **A later Will / Wasiat terkini**

A subsequent Will would automatically revoke an earlier Will, whether or not a revocation clause is included in the later Will. The Testator can also revoke a Will by making a written statement of his intention.

Wasiat pertama akan terbatal secara rasmi apabila wasiat berikutnya dibuat, sama ada pembatalan klausa termaktub di dalam Wasiat atau tidak. Pewasiat boleh membatalkan Wasiat dengan membuat kenyataan bertulis berkaitan niatnya, dan dihantar kepada MAAB.

d) **Conversion to Other Religion/ Pertukaran Agama**

A Will is revoked when a Muslim person converts to non-Muslim because the distribution of his/her estate will automatically follow the Will Act 1959 / Distribution Act 1958.

Wasiat terbatal apabila orang Islam menjadi murtad kerana pembahagian harta, akan secara automatik mengikut Akta Wasiat 1959/Akta Pembahagian 1958.

16. Where can I get assistance and further information?

Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

It is important that you inform MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) of any changes in your personal details to ensure that all correspondence reaches you in a timely manner.

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak MyANGKASA Amanah Berhad sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang sepatutnya.

If you have any enquiries, please contact us at:

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan, sila hubungi kami di:

MyANGKASA Amanah Berhad

Suite 401, Blok C, Glomac Business Centre,

Jalan SS 6/1, Kelana Jaya,

47301 Petaling Jaya, Selangor.

Careline/ Talian Khidmat Pelanggan: 03-7887 5600


Fax/ Faks : 03-7887 2300

Website/ Laman Sesawang:

www.myangkasaamanah.com.my

END

PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS) – CONVENTIONAL WILL HELAIAN KETERANGAN PRODUK – WASIAT KONVENSIONAL

<p>Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to subscribe our Will Writing services. Please be sure you read the general terms and conditions.</p> <p><i>Sila baca helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Perkhidmatan Penulisan Wasiat. Sila pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.</i></p>	<p>MyANGKASA AMANAH BERHAD ماي انكاسا امانه برحد</p>  <p>Issued by: MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB)</p> <p>Date updated: 10 July 2019</p>
--	---

1. What is this Service about?

Perkhidmatan ini berkaitan apa?

MyAngkasa Amanah Berhad is offering a Conventional Will Writing service via Bank's branches throughout Malaysia. Customer will be provided a Copy of Will's Certificate and Will's Card once they signed up with us.

MyAngkasa Amanah Berhad menawarkan Penulisan Wasiat Konvensional menerusi cawangan Bank di seluruh Malaysia. Pelanggan akan dibekalkan satu Salinan Sijil Wasiat berserta Kad Wasiat sejurus mereka mendaftar.

2. Who is offering this Service?

Siapakah yang menawarkan perkhidmatan ini?

This Service is provided by MyAngkasa Amanah Berhad (1078340-H).

Perkhidmatan ini ditawarkan oleh MyAngkasa Amanah Berhad (1078340-H).

3. What are the features of this Service?

Apakah ciri-ciri Perkhidmatan ini?

A Conventional Will is simply defined as a legally binding document whereby an individual is able to state his wishes as to the distribution of his assets. It will supersede the Distribution Act 1958 where you can control your distribution to your loved ones.

Wasiat Konvensional bermaksud dokumen yang sah di mana seseorang itu berhak menyatakan hasratnya mengenai pembahagian asetnya. Ia akan menggantikan pengagihan menurut Akta Pembahagian 1958.

4. Who can write a Will?

Siapakah yang boleh membuat Wasiat?

Any Non-Muslim who is:

Seseorang Bukan Islam yang:

- Of sound mind / *Sempurna akal fikiran*
- 18 years and above in Peninsular Malaysia and Sarawak and 21 years and above in Sabah / *Berumur 18 tahun dan ke atas di Semenanjung Malaysia dan Sarawak manakala 21 tahun dan ke atas di Sabah*
- Malaysian citizen / *Rakyat Malaysia*
- Able to understand the nature and purpose of making a Will / *Faham tujuan dan sebab menulis Wasiat*

**5. What are the Fee and Charges that I have to pay for the Service?
Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar untuk Perkhidmatan ini?**

RM500 one-time payment.
RM500 sekali seumur hidup.

**7. How much the Estate Administration Fee to execute the Will?
Berapa Fi Pentadbiran Harta Pusaka untuk melaksanakan Wasiat?**

Estate Administration Fee is 2% out of overall administered asset (excluded third party cost).
Fi Pentadbiran Harta Pusaka ialah 2% dari jumlah aset yang ditadbir (tidak termasuk kos pihak ketiga).

**8. What are my duties?
Apakah tanggungjawab saya?**

8.1 You must read, understand and strictly follow all necessary instructions and pay the Fee and Charges.
Anda mesti baca, faham dan mematuhi segala arahan serta membayar Fi dan Caj.

8.2 You must ensure all information provided and entered are correct, clear and comprehensive.
Anda perlu memastikan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar, jelas dan menyeluruh.

8.3 Please be reminded your Will must be made according to the Wills Act 1959 (or the Wills Ordinance Sabah Cap. 158).
Sila diingatkan bahawa Wasiat anda perlu dibuat menurut Akta Wasiat 1959 (atau Akta Ordinan Sabah 158).

**9. What happens if I fail to fulfil my duties?
Apa akan berlaku jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?**

We may not be able to process your subscription because your Will may be rendered invalid under the law.
Pihak kami tidak dapat memproses langganan Wasiat anda kerana ia mungkin dianggap tidak sah di sisi undang-undang.

**10. What are the risks inherent in writing a Will?
Apakah risiko dalam penulisan Wasiat?**

10.1 A Will does not supersede an earlier nomination, i.e. Insurance, Employee Provident Fund (EPF) if any.
Wasiat tidak mengatasi penamaan yang lebih awal seperti insurans, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), jika ada.

10.2 If your named beneficiary in the Will is below the age of 18 years old at the time of your deceased, his/her share will be held on trust by the appointed guardian for administration until he/she reaches 18 years of age.
Jika penerima harta di dalam Wasiat anda berumur bawah 18 tahun pada masa kematian anda, bahagian mereka akan diamanahkan kepada penjaga sehingga mereka berumur 18 tahun.

11. Who can be my Executor?

Siapakah yang boleh menjadi Pentadbir saya?

Anyone who is 18 years old and above, of sound mind, consents to such appointment and is able to administer your estate.

Seorang yang berumur 18 tahun dan ke atas, waras, bersetuju dengan perlantikan tersebut dan mampu untuk menguruskan pentadbiran harta pusaka anda.

12. Who can be my witness?

Siapakah yang boleh menjadi saksi saya?

Any 2 person who is 18 years old and above and is not named as a beneficiary / heir in your Will.

2 orang berumur 18 tahun dan ke atas dan tidak dinamakan sebagai waris di dalam Wasiat anda.

13. What if I have minor heir(s)/beneficiaries?

Bagaimana jika saya mempunyai waris yang belum cukup umur?

Should you have any minor heir(s)/beneficiaries who are below 18 years of age and you wish to appoint a guardian, please contact MyAngkasa Amanah Berhad at 03 – 7887 5600 or email to admin@myangkasaamanah.com.my to get an Amendment Form to amend your Will. You also can make amendment through waes.com.my. Should you need an assistance, please contact us.

Jika anda mempunyai waris yang berumur di bawah 18 tahun dan anda berhasrat untuk melantik Penjaga, sila hubungi MyAngkasa Amanah Berhad di 03 – 7887 5600 atau email ke admin@myangkasaamanah.com.my untuk dapatkan Borang Pindaan Wasiat untuk meminda Wasiat anda. Anda juga boleh mengemaskini maklumat anda menerusi waes.com.my. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi kami.

14. How does the Will provide for distribution of assets?

Bagaimana peranan Wasiat dalam pengagihan aset?

The Will allows you to distribute your assets in percentage [%] proportion by rewriting your Will at any time should you think necessary by completing Amendment Form.

Wasiat membolehkan anda untuk membuat pengagihan secara peratus [%] dengan menulis semula Wasiat anda pada bila-bila masa dengan melengkapkan Borang Pindaan.

15. What is meant by “Last Will & Testament”?

Apakah yang dimaksudkan dengan “Last Will & Testament”?

“Last Will & Testament” is a final and latest Will executed by someone (Testator) during his/her lifetime and will be presented by Executor/Administrator to the court to obtain Grant of Probate. The earlier Will (if any) written by testator will be null and void.

“Last Will & Testament” adalah wasiat yang terkini ditulis oleh si mati. Wasiat ini akan digunapakai dalam urusan untuk mendapatkan Geran Probat daripada mahkamah dan seterusnya proses pencairan harta si mati.

16. How to cancel my Will?

Bagaimana saya boleh membatalkan Wasiat saya?

A Will can be revoked by the following acts/ circumstances:

Wasiat boleh terbatal dalam keadaan tertentu:

a) **Letter of instruction to MAAB to revoke the will / Surat ke MAAB meminta pembatalan Wasiat**

MAAB will cancel the will registration and returned the original Will document to the customer.

MAAB akan membatalkan pendaftaran Wasiat tersebut dan memulangkan dokumen Wasiat Asal kepada pelanggan.

b) **Destruction / Pemusnahan**

A Will is revoked when the Testator destroys the Will physically with the intention of revoking it. Accidental or malicious destruction by a third party does not constitute revocation.

Wasiat terbatal apabila pewasiat memusnahkan Wasiat fizikal dengan niat untuk membatalkan wasiat tersebut. Kemusnahan tanpa niat atau berniat jahat oleh pihak ketiga tidak membatalkan Wasiat.

c) **A later Will / Wasiat terkini**

A subsequent Will would automatically revoke an earlier Will, whether or not a revocation clause is included in the later Will. The Testator can also revoke a Will by making a written statement of his intention.

Wasiat pertama akan terbatal secara rasmi apabila wasiat berikutnya dibuat, sama ada pembatalan klausa termaktub di dalam Wasiat atau tidak. Pewasiat boleh membatalkan Wasiat dengan membuat kenyataan bertulis berkaitan niatnya, dan dihantar kepada MAAB.

d) **Conversion to Islam / Pertukaran Agama**

A Will is revoked when a non-Muslim person converts to Islam because the distribution of his/her estate will automatically follow the Faraid distribution.

Wasiat terbatal apabila orang bukan Islam memeluk agama Islam kerana pembahagian harta, akan secara automatik mengikut pembahagian Faraid.

17. Where can I get assistance and further information?

Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

It is important that you inform MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) of any changes in your personal details to ensure that all correspondence reaches you in a timely manner.

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak MyANGKASA Amanah Berhad sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang sepatutnya.

If you have any enquiries, please contact us at:

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan, sila hubungi kami di:

MyANGKASA Amanah Berhad

Suite 401, Blok C, Glomac Business Centre,

Jalan SS 6/1, Kelana Jaya,

47301 Petaling Jaya, Selangor.

Careline/ Talian Khidmat Pelanggan: 03-7887 5600

Fax/ Faks : 03-7887 2300

Website/ Laman Sesawang:

www.myangkasaamanah.com.my

END
